



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**WARGANEGARA ASING YANG
BEKERJA DI MALAYSIA –
LAYANAN CUKAI**

KETETAPAN UMUM NO. 8/2011

TARIKH KELUARAN: 16 November 2011



**WARGANEGARA ASING YANG
BEKERJA DI MALAYSIA -
LAYANAN CUKAI**

Ketetapan Umum No. 8/2011

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA Tarikh Keluaran: 16 November 2011

KANDUNGAN	Muka surat
1. Pendahuluan	1
2. Interpretasi	1
3. Layanan Cukai Atas Warganegara Asing Yang Bertugas Di Malaysia	3
4. Layanan Cukai Bagi Warganegara Asing Daripada Negara Yang Mempunyai Perjanjian Cukai Yang Telah Dihantar Bertugas Di Malaysia	11
5. Kredit Dua Belah Pihak	13
6. Layanan Cukai Warganegara Asing Daripada Negara Tiada Perjanjian Cukai Yang Dihantar Bertugas Di Malaysia	14
7. Layanan Cukai Bagi Warganegara Asing Yang Mengambil Bahagian Dalam Program Kerjasama Teknikal Malaysia	15
8. Pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan	15
9. Tarikh Kuat Kuasa	15

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarikbalik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikanbalik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Ketetapan ini menerangkan layanan cukai terhadap pendapatan penggajian yang diperoleh oleh warganegara asing yang menjalankan penggajian di Malaysia.
2. Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) yang berkaitan dengan Ketetapan ini adalah seksyen 2, 7, 13, 25, 132, 133, Jadual 6 dan 7.
3. Perkataan-perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:
 - 3.1 “Bukan pemastautin” bagi tahun asas sesuatu tahun taksiran berhubung seseorang pekerja bermaksud pekerja selain daripada pekerja yang bermastautin.
 - 3.2 “Cukai asing” bermaksud apa-apa cukai atas pendapatan (atau apa-apa cukai lain yang mempunyai ciri-ciri yang serupa) yang boleh dikenakan atau dipertanggungjawabkan di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia.
 - 3.3 “Cukai Malaysia” bermaksud cukai yang dikenakan di bawah ACP 1967.
 - 3.4 “Dihantar bertugas” (seconded) bermaksud –
 - a) pekerja ditukarkan buat sementara waktu oleh majikan untuk melakukan kerja berkaitan di tempat lain; dan
 - b) selepas tamat tugas sementara tersebut, pekerja kembali semula kepada majikan yang sama untuk menyambung penggajian.
 - 3.5 “Kredit dua belah pihak” bermaksud kredit berkenaan dengan cukai asing, menurut kuasa apa-apa persetujuan yang mempunyai kesan di bawah seksyen 132, ACP 1967, yang dibenarkan sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia.
 - 3.6 “Kredit satu pihak” bermaksud kredit berkenaan dengan cukai asing yang harus dibayar di bawah undang-undang suatu wilayah di luar Malaysia yang mana tiada persetujuan di bawah seksyen 132, ACP 1967 berkuat kuasa.
 - 3.7 “Majikan” berhubung dengan sesuatu penggajian bermaksud –
 - (a) tuan, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
 - (b) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, ia adalah orang yang membayar atau bertanggungjawab untuk membayar gaji pekerja yang digajikan, walaupun orang yang membayar dan pekerja itu mungkin merupakan orang yang sama tetapi bertindak dalam kapasiti yang berlainan.
 - 3.8 “Orang” termasuk syarikat, koperasi, kelab, persatuan, Keluarga Sekutu Hindu, pemegang amanah, pentadbir harta pusaka, perkongsian dan individu.

- 3.9 “Pekerja” berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud -
- (a) orang suruhan, di mana terdapat perhubungan di antara orang suruhan dan tuan;
 - (b) jika perhubungan di antara orang suruhan dan tuan tidak wujud, ia adalah pemegang perlantikan atau perjawatan yang menzahirkan penggajian tersebut.
- 3.10 “Pemastautin Malaysia” bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk tahun taksiran seperti mana yang ditentukan di bawah seksyen 7, ACP 1967.
- 3.11 “Penggajian” bermaksud –
- a) penggajian di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
 - b) mana-mana perlantikan atau perjawatan, sama ada terbuka atau sebaliknya dan sama ada terdapat atau tiada perhubungan di antara tuan dan orang suruhan, yang mana saraan kena dibayar.
- 3.12 “Pendapatan asing” bermaksud –
- a) pendapatan yang diterbit dari luar Malaysia; atau
 - b) dalam kes kredit dua belah pihak, “pendapatan asing” termasuk pendapatan diperoleh daripada Malaysia yang dikenakan cukai asing.
- 3.13 “Pendapatan berkanun”, berhubung dengan seseorang, suatu punca dan suatu tahun taksiran bermaksud pendapatan berkanun seperti mana yang ditentukan di bawah ACP 1967.
- 3.14 “Taksiran” bermaksud apa-apa taksiran atau taksiran tambahan yang dibuat di bawah ACP 1967.
- 3.15 “Tahun asas” berhubung dengan suatu tahun taksiran bagi suatu punca pendapatan penggajian adalah tempoh asas bagi tahun taksiran tersebut.
- 3.16 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.
- 3.17 “Tempoh asas” berhubung dengan pendapatan kasar penggajian adalah seperti mana yang ditentukan oleh seksyen 25, ACP 1967.
- 3.18 “Warganegara asing” bermaksud individu yang bukan rakyat Malaysia.

4. Layanan Cukai Warganegara Asing Yang Bertugas Di Malaysia

4.1 Pendapatan penggajian

Pada amnya, pendapatan daripada penggajian sepatutnya dikenakan cukai di negara di mana perkhidmatan dilakukan tanpa mengira tempat di mana kontrak ditandatangani atau di mana saraan dibayar. Dalam perkataan lain, warganegara asing yang bekerja di Malaysia boleh dikenakan cukai di bawah undang-undang cukai domestik Malaysia berhubung dengan pendapatan penggajian yang diperoleh daripada Malaysia.

4.2 Pendapatan penggajian dianggap diperoleh daripada Malaysia

Subseksyen 13(2), ACP 1967, memperuntukkan pendapatan penggajian dianggap diperoleh daripada Malaysia apabila penggajian dijalankan di Malaysia. Ungkapan *menjalankan penggajian*, yang tidak didefinisikan dalam ACP 1967, biasanya difahamkan sebagai penggajian dijalankan di tempat di mana pekerja berada secara fizikal semasa menjalankan aktiviti bagi pendapatan penggajian yang dibayar.

Pendapatan kasar berkaitan perolehan dan keuntungan daripada sesuatu penggajian dianggap diperoleh daripada Malaysia di bawah keadaan-keadaan berikut:

- a) Menjalankan penggajian di Malaysia – jika pendapatan terbit bagi apa-apa tempoh semasa *penggajian dijalankan* di Malaysia mengikut perenggan 13(2)(a), ACP 1967;

Contoh 1

Ahmad, seorang warganegara Brunei, digaji sebagai juruaudit di syarikat kejuruteraan di Kuala Lumpur sejak 1.1.2010. Pendapatan penggajian beliau dianggap diperoleh daripada Malaysia sebab beliau menjalankan penggajian di Malaysia.

- b) Cuti berkaitan dengan menjalankan penggajian – jika pendapatan terbit bagi apa-apa tempoh semasa *cuti yang berkaitan* dengan menjalankan penggajian di Malaysia mengikut perenggan 13(2)(b), ACP 1967;

Contoh 2

Dalam Contoh 1 di atas, sekiranya Ahmad bercuti (dari 1.9.2010 hingga 15.9.2010) di Brunei untuk menziarahi keluarga dan kawan, tempoh bercuti dianggap berkaitan dengan penggajian yang dijalankan di Malaysia. Oleh itu, pendapatan penggajian bagi tempoh cuti di luar Malaysia dianggap diperoleh daripada Malaysia.

- c) Tugas sampingan kepada penggajian - jika pendapatan terbit bagi apa-apa tempoh semasa pekerja menjalankan *tugas sampingan* (incidental) di luar Malaysia berkaitan penggajian yang dijalankan di Malaysia di bawah perenggan 13(2)(c), ACP 1967.

(Untuk keterangan lanjut, rujuk kepada Ketetapan Umum No. 1/2011 bertajuk *Percukaian Pekerja Malaysia Yang Dihantar Bertugas Di Luar Negara* yang boleh dimuat turun daripada laman web Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di <http://www.gov.hasil.my>).

Contoh 3

Dalam Contoh 1 di atas, jika pada tahun 2010 Ahmad dihantar oleh majikannya di Malaysia untuk mengaudit akaun suatu syarikat berkaitan di negara Thailand, pendapatan penggajian bagi tempoh beliau bekerja di Thailand dianggap diperoleh daripada Malaysia oleh kerana tugas yang dijalankan di Thailand dianggap tugas sampingan kepada penggajian beliau di Malaysia. Dalam kes ini, tidak wujud jawatan juruaudit di Thailand dan Ahmad dihantar untuk menjalankan tugas tersebut.

4.3 Asas taksiran pendapatan penggajian

Tahun asas untuk suatu tahun taksiran bagi pendapatan penggajian adalah tempoh asas tahun taksiran itu. Pendapatan penggajian ditaksir berasaskan tahun kalendar semasa iaitu pendapatan bagi tempoh asas daripada 1.1.2010 hingga 31.12.2010 ditaksir sebagai tahun taksiran 2010.

4.4 Taraf mastautin di Malaysia

Taraf mastautin seseorang individu ditentukan dengan merujuk kepada tempoh individu itu berada di Malaysia dalam tahun asas untuk satu tahun taksiran. Dalam situasi tertentu, kehadiran fizikal dalam tahun-tahun asas sebelum atau selepas tahun-tahun asas bagi sesuatu tahun taksiran perlu dipertimbangkan.

Pada umumnya, seseorang individu adalah bukan pemastautin jika tempoh berada di Malaysia adalah kurang daripada 182 hari dalam sesuatu tahun asas.

(Untuk keterangan lanjut, rujuk Ketetapan Umum No. 6/2011 bertajuk *Taraf Mastautin Individu* yang boleh dimuat turun daripada laman web LHDNM).

4.5 Kadar cukai

Kadar cukai untuk warganegara asing bergantung kepada taraf mastautin di Malaysia. Individu bermastautin layak menuntut pelepasan diri dan dikenakan cukai pada kadar skala. Individu bukan pemastautin pula tidak

layak menuntut apa-apa pelepasan diri. Individu bukan pemastautin tertakluk kepada cukai pada kadar seperti di Perenggan 1A, Bahagian 1, Jadual 1, ACP 1967. Untuk tahun-tahun taksiran 2009 dan 2010, kadar yang berkaitan adalah 27% dan 26% masing-masing.

4.6 Penggajian jangka pendek di Malaysia

a) Tempoh penggajian tidak melebihi 60 hari

Pendapatan individu bukan pemastautin daripada suatu penggajian yang dijalankan di Malaysia akan dikecualikan cukai di bawah perenggan 21, Jadual 6, ACP 1967 di bawah keadaan berikut:

- i) Pekerja menjalankan penggajian di Malaysia bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang bersama-sama tidak melebihi 60 hari dalam tahun asas untuk satu tahun taksiran;

Contoh 4

Jordan, seorang warganegara Amerika Syarikat (AS) yang digaji oleh syarikat multinasional di AS telah dihantar untuk menjalankan tugas khas di syarikat ibu pejabat di Malaysia. Penggajiannya di Malaysia adalah dari 9.6.2010 hingga 30.6.2010 (22 hari). Jordan bercuti dan melancong dalam Malaysia selama tempoh 2 minggu (14 hari) sebelum meninggalkan Malaysia.

Situasi diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2010			
Kerja di AS	Kerja di Malaysia	Bercuti di Malaysia	Kerja di AS
160 hari	22 hari	14 hari	170 hari

↓
Dikecualikan cukai
(tidak melebihi 60 hari)


Jordan masih layak untuk pengecualian cukai bagi tahun taksiran 2010 disebabkan oleh tempoh penggajian beliau di Malaysia yang tidak melebihi 60 hari.

Contoh 5

Fakta adalah sama seperti dalam Contoh 4 kecuali Jordan kembali ke Malaysia untuk bekerja dari 1.9.2010 hingga 30.9.2010 (30 hari) di projek lain atas arahan majikannya di AS. Liabiliti cukainya di Malaysia untuk tahun taksiran 2010 akan dikaji semula mulai 1.1.2010.

Situasi diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2010					
Kerja di AS	Kerja di M'sia	Bercuti di Msia	Kerja di AS	Kerja di M'sia	Kerja di AS
160 hari	22 hari	14 hari	62 hari	30 hari	78 hari



Dikecualikan cukai
(tidak melebihi 60 days)

Jordan masih layak untuk pengecualian cukai dalam tahun taksiran 2010 disebabkan oleh tempoh penggajian beliau di Malaysia yang tidak melebihi 60 hari.


Contoh 6

James dihantar oleh majikannya ke Malaysia untuk menyelia promosi produk baru di syarikat berkaitan daripada 1.4.2010 hingga 30.4.2010. Semasa syarikat berkaitan di Malaysia mengalami beberapa masalah dalam tahun yang sama, James dihantar ke Malaysia sekali lagi untuk mengawasi keadaan dari 1.9.2010 hingga 15.11.2010.

Semasa tempoh penggajian pertama James tamat di Malaysia (1.4.2010 hingga 30.4.2010), beliau dikecualikan cukai untuk tahun taksiran 2010 disebabkan oleh tempoh penggajian di Malaysia yang tidak melebihi 60 hari. Semasa tempoh penggajian kedua James tamat (1.9.2010 hingga 15.11.2010), liabiliti cukai beliau untuk tahun taksiran 2010 dikaji semula mulai 1.1.2010.

Situasi diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2010				
Kerja di AS	Kerja di Malaysia	Kerja di AS	Kerja di Malaysia	Kerja di AS
91 hari	30 hari	123 hari	76 hari	46 hari



Tidak dikecualikan cukai (melebihi 60 hari)
--

James tidak layak untuk pengecualian cukai dalam tahun taksiran 2010 disebabkan tempoh penggajian beliau di Malaysia melebihi 60 hari.

Contoh 7

Fakta adalah sama seperti dalam Contoh 6 kecuali James meletak jawatan dengan syarikat apabila beliau pulang ke AS pada 16.11.2010. Beliau mula bekerja dengan syarikat pesaing di AS yang menghantar beliau ke Malaysia untuk menyelia perkembangan satu cawangan dari 1.12.2010 hingga 31.12.2010.

Semasa tempoh penggajian ketiga James tamat (1.12.2010 hingga 31.12.2010), liabiliti cukai beliau untuk tahun taksiran 2010 dikaji semula mulai 1.1.2010.

Situasi diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2010					
Kerja di AS	Kerja di M'sia	Kerja di AS	Kerja di M'sia	Kerja di AS	Kerja di M'sia
91 hari	30 hari	123 hari	76 hari	15 hari	30 hari

Tidak dikecualikan cukai
(melebihi 60 hari)

James tidak layak untuk pengecualian cukai dalam tahun taksiran 2010 disebabkan tempoh penggajian beliau (walaupun dengan majikan yang berlainan) di Malaysia melebihi 60 hari.

- ii) Pekerja menjalankan penggajian di Malaysia bagi satu tempoh berterusan (tidak melebihi enam puluh hari) yang bertindih dengan tahun asas untuk dua tahun taksiran yang berturut-turut;

Contoh 8

Blair adalah jurutera teknologi proses / operasi di sebuah syarikat minyak dan gas di Amerika Syarikat. Beliau dihantar ke Malaysia bagi tempoh 16.12.2009 hingga 15.1.2010 (31 hari) oleh majikan bagi menjalankan kajian kebolehlaksanaan untuk penambahbaikan loji bagi memastikan operasi yang fleksibel serta menjimatkan di satu anak syarikat di Malaysia.

Situasi diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2009		Tahun 2010
Kerja di AS	Kerja di Malaysia	Kerja di AS
349 hari	31 hari	351 hari

Dikecualikan cukai
(tidak melebihi 60 hari)

Blair layak untuk pengecualian cukai bagi tahun-tahun taksiran 2009 dan 2010 oleh sebab tempoh penggajian di Malaysia bagi satu tempoh berterusan tidak melebihi 60 hari (iaitu 31 hari) yang bertindih dua tahun taksiran yang berturut-turut.

- iii) Pekerja menjalankan penggajiannya di Malaysia bagi suatu tempoh berterusan (tidak melebihi enam puluh hari) yang bertindih dalam tahun asas untuk dua tahun taksiran yang berturut-turut dan bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang bersama-sama dengan tempoh berterusan itu tidak melebihi enam puluh hari.

Contoh 9

Dalam Contoh 8, jika Blair kembali ke Malaysia dari 1.3.2010 hingga 15.3.2010 (15 hari) untuk menyelia pelaksanaan cadangan beliau bagi penambahbaikan loji, liabiliti cukai beliau akan dikaji semula dari 16.12.2009.

Situasi diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2009		Tahun 2010		
Kerja di AS	Kerja di M'sia	Kerja di AS	Kerja di M'sia	Kerja di AS
349 hari	31 hari	45 hari	15 hari	291 hari

Dikecualikan cukai
(tidak melebihi 60 hari)

Blair masih layak untuk pengecualian cukai bagi tahun-tahun taksiran 2009 dan 2010 disebabkan oleh tempoh penggajian beliau di Malaysia untuk satu tempoh berterusan yang tidak melebihi 60 hari (iaitu 31 hari) bertindih dua tahun taksiran yang berturut-turut dan bagi tempoh 15 hari yang bersama-sama dengan tempoh berterusan tidak melebihi 60 hari (iaitu 46 hari).

Contoh 10

Dalam Contoh 9, jika Blair kembali ke Malaysia dari 1.3.2010 hingga 30.4.2010 (61 hari) untuk menyelia pelaksanaan cadangan beliau bagi penambahbaikan loji, liabiliti cukai beliau akan dikaji semula dari 16.12.2009.

Situasi diringkaskan seperti berikut:

Tahun 2009		Tahun 2010		
Kerja di AS	Kerja di M'sia	Kerja di AS	Kerja di M'sia	Kerja di AS
349 hari	31 hari	45 hari	61 hari	245 hari

Tidak dikecualikan cukai
(melebihi 60 hari)

Penggajian Blair di Malaysia adalah untuk tempoh berterusan yang kurang daripada 60 hari (31 hari). Walau bagaimanapun, tempoh ini bertindih dalam dua tahun taksiran dan tempoh 61 hari lain yang bersama-sama dengan tempoh berterusan itu (31 hari) melebihi 60 hari (92 hari). Oleh itu Blair tidak layak untuk pengecualian cukai untuk tahun-tahun taksiran 2009 dan 2010.

b) Tempoh penggajian melebihi 60 hari

Pengecualian tidak terpakai di mana individu mempunyai pendapatan yang diperoleh daripada Malaysia daripada penggajian itu:

- (i) bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang kesemuanya berjumlah lebih daripada enam puluh hari dalam tahun asas; atau
- (ii) di Malaysia bagi tempoh berterusan melebihi 60 hari yang bertindih dua tempoh asas yang berturutan; atau
- (iii) di mana tempoh bertindih berterusan bersama-sama dengan tempoh atau tempoh-tempoh lain melebihi 60 hari.

[Perenggan 22(a), Jadual 6, ACP 1967]

Contoh 11

George, daripada Amerika Syarikat digaji di Malaysia seperti berikut:

1.9.2010 hingga 30.9.2010	30 hari
1.10.2010 hingga 31.10.2010	<u>31 hari</u>
Jumlah	<u>61 hari</u>

George dibayar saraan bagi tempoh penggajian dari 1.9.2010 hingga 31.10.2010 (61 hari). Beliau meninggalkan Malaysia pada malam 29.10.2010 memandangkan hari akhir minggu pada 30.10.2010 dan 31.10.2010 bukan hari bekerja. Beliau berada secara fizikal di Malaysia selama 59 hari sahaja.

Saraan George bagi tempoh penggajian (61 hari) akan tertakluk kepada cukai pada kadar cukai untuk individu tidak bermastautin sebab perenggan 22, Jadual 6, ACP 1967 adalah terpakai.

Pemerhatian

Berbeza dengan penentuan taraf mastautin di Malaysia, tempoh pengecualian 60 hari adalah merujuk kepada tempoh penggajian di Malaysia dan bukan kepada kehadiran fizikal pekerja di Malaysia.

Contoh 12


Dalam Contoh 11, jika George menjalankan penggajiannya di Malaysia bagi tempoh 40 hari dan dikehendaki menjalankan tugas tertentu (sampingan kepada tugas di Malaysia) di Thailand dan Indonesia yang berjumlah 21 hari, tempoh penggajian beliau adalah 61 hari. Liabiliti cukai beliau akan dikaji semula dari 1.1.2010.

George dianggap memperoleh saraan yang berkaitan dengan tugas yang dilakukan di Thailand dan Indonesia daripada Malaysia mengikut perenggan 13(2)(c), ACP 1967. George dikenakan cukai di Malaysia atas pendapatan penggajian beliau.

Contoh 13

Angelina daripada AS digaji oleh Syarikat X di Malaysia dari 1.2.2010 hingga 28.2.2010 (28 hari). Beliau meninggalkan Malaysia pada 28.2.2010. Beliau kembali ke Malaysia pada 31.7.2010 apabila mendapat pekerjaan dengan Syarikat Y dari 1.8.2010 hingga 14.9.2010 (45 hari).

Situasi diringkaskan seperti berikut:



Tempoh penggajian dengan syarikat X adalah bagi satu tempoh yang tidak melebihi 60 hari. Oleh itu, Angelina dikecualikan cukai sewaktu dia meninggalkan Malaysia pada 28.2.2010. Penggajian seterusnya dengan syarikat Y adalah untuk 45 hari. Oleh itu tempoh penggajian dalam tahun asas 2010 adalah selama 73 hari (28 hari + 45 hari). Oleh kerana tempoh penggajian Angelina di Malaysia secara keseluruhan pada tahun 2010 melebihi 60 hari, beliau tidak layak untuk pengecualian cukai atas pendapatan penggajian daripada Syarikat X dan Y.

5. **Layanan Cukai Bagi Warganegara Asing Daripada Negara Yang Mempunyai Perjanjian Cukai Yang Telah Dihantar Bertugas Di Malaysia**

5.1 Cukai dua kali

Apabila warganegara asing memperoleh pendapatan penggajian daripada Malaysia tetapi adalah pemastautin negara lain, cukai pendapatan mungkin kena dibayar oleh beliau di Malaysia dan juga negara bermastautin.

5.2 Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali

Kerajaan Malaysia telah menandatangani Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali (PPPDK) dengan beberapa negara lain bagi menghapuskan kemungkinan berlaku cukai dua kali jika pendapatan yang sama tertakluk kepada cukai di lebih daripada satu negara. Ini bergantung kepada peruntukan dalam PPPDK.

5.3 Artikel Penggajian / Artikel Perkhidmatan Persendirian Tidak Bebas dalam PPPDK

Bagi warganegara asing yang menjalankan penggajian di Malaysia, Artikel Perkhidmatan Persendirian Tidak Bebas (PPTB) dalam PPPDK Malaysia yang relevan atau perjanjian cukai adalah terpakai untuk pelepasan perjanjian cukai. Walau bagaimanapun, syarat-syarat tepat Artikel PPTB dalam setiap PPPDK mungkin berbeza dari negara ke negara. Teks lengkap PPPDK Malaysia boleh dimuat turun daripada laman web LHDNM.

6. **Kredit Dua Belah Pihak**

Kredit dua belah pihak dibenarkan ditolak daripada cukai Malaysia hanya bagi seseorang yang dikenakan cukai Malaysia untuk suatu tahun taksiran dan yang bermastautin bagi tahun asas untuk tahun taksiran itu.

Jika pendapatan penggajian dikenakan cukai di Malaysia dan juga negara luar, dan sekiranya terdapat perjanjian cukai di antara dua negara berkenaan, undang-undang percukaian Malaysia memperuntukkan pelepasan dalam bentuk kredit dua belah pihak di bawah seksyen 132 ACP 1967. Formula untuk pengiraan kredit tersebut adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Pendapatan asing (pendapatan berkanun)}}{\text{Jumlah pendapatan}} \times \text{Cukai yang kena dibayar di Malaysia sebelum kredit dua pihak /kredit satu pihak}$$

Atau

Cukai asing yang kena dibayar berhubung pendapatan asing¹ yang dikenakan cukai dua kali, yang mana lebih rendah.

(¹Mulai tahun taksiran 2007, pendapatan asing bagi tujuan menuntut kredit dua belah pihak termasuk pendapatan yang diperolehi daripada Malaysia dan dikenakan cukai asing)

7. **Layanan Cukai Atas Warganegara Asing Daripada Negara Tiada Perjanjian Cukai Yang Dihantar Bertugas Di Malaysia**

Dalam keadaan ketiadaan perjanjian cukai, undang-undang cukai domestik negara Malaysia dan negara asing tetap terpakai.

Contoh 14

Gates, seorang jurutera perunding dihantar oleh majikannya di Amerika Syarikat untuk membantu dalam projek yang dijalankan oleh syarikat subsidiari di Malaysia dari 10.6.2010 hingga 31.8.2010 (92 hari). Saraan Gates dibayar dan ditanggung oleh majikan di Amerika Syarikat semasa beliau dihantar untuk bertugas di Malaysia.

Oleh sebab tempoh penggajian Gates melebihi 60 hari dalam tahun 2010, pendapatan penggajian beliau di Malaysia tertakluk kepada cukai di Malaysia. Gates dikenakan cukai berdasarkan undang-undang cukai domestik Malaysia disebabkan tiada PPPDK di antara Malaysia dan Amerika Syarikat berhubung pendapatan penggajian.

Pemerhatian

Mengikut perenggan 15, Jadual 7, ACP 1967, kredit satu pihak boleh dibenarkan bagi cukai asing jika seseorang pekerja membayar cukai Malaysia dan cukai asing atas pendapatan daripada suatu pekerjaan yang dijalankan di luar Malaysia, tidak kira sama ada dia bermastautin atau tidak dalam tahun asas bagi tahun taksiran yang mana cukai Malaysia dibayar.

Dalam kes ini, Gates tidak layak menuntut pelepasan kredit sebelah pihak di Malaysia jika pendapatan penggajian beliau bagi tempoh 10.6.2010 hingga 31.8.2010 dikenakan cukai di USA juga memandangkan beliau tidak menjalankan penggajian di luar Malaysia tetapi telah dihantar oleh majikan di USA untuk bekerja di Malaysia.

8. **Layanan Cukai Bagi Warganegara Asing Yang Mengambil Bahagian Dalam Program Kerjasama Teknikal Malaysia**

Mulai tahun taksiran 2007, seorang individu yang bukan warganegara Malaysia dan tidak bermastautin di Malaysia dikecualikan cukai atas bayaran yang beliau terima daripada penyertaan dalam Program Kerjasama Teknikal Malaysia [P.U.(A) 18 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2008].

9. **Pengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan**

Warganegara asing yang bukan pemastautin di Malaysia dikehendaki memfailkan Borang Nyata Cukai Pendapatan iaitu Borang M untuk setiap tahun taksiran yang berkenaan. Jika mereka layak sebagai pemastautin Malaysia untuk tahun taksiran yang berkenaan, Borang BE atau Borang B (yang mana berkaitan) hendaklah difailkan. Tarikh pengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan adalah pada atau sebelum 30 April dalam tahun berikutnya.



10. Tarikh Kuat Kuasa

Ketetapan ini berkuat kuasa untuk tahun taksiran 2011 dan tahun taksiran selanjutnya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**